

Parti politik perlu junjung titah Yang di-Pertuan Agong
Utusan Online
03 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 2 Jun - Semua parti politik perlu menjunjung titah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang menyeru rakyat menyalurkan segala kritikan dan bantahan dengan cara berhemah dan berhikmah.

Penganalisis politik, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam berkata, kegiatan politik sepatutnya dilakukan mengikut prinsip kesopanan dan kesusilaan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara.

Bagaimanapun, menurut beliau, segelintir ahli politik lebih cenderung bersikap biadab semasa menyuarakan pendapat mereka sehingga boleh menyinggung sensitiviti masyarakat.

"Jangan gadai keselamatan dan keharmonian negara semata-mata kerana terlalu taksub dengan keghairahan untuk merebut kuasa politik.

"Apa sahaja tindakan yang kita ambil hendaklah mengikut batasan yang ditetapkan oleh undang-undang agar keselamatan negara tidak terjejas," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau menjunjung kasih titah Tuanku Abdul Halim dalam perutusan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong 2012 yang disiarkan menerusi saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menurut Ramlah, titah baginda itu sewajarnya dijadikan panduan oleh parti-parti politik menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Sementara itu, Ketua Umum Badan Bertindak Perpaduan Melayu, Osman Abu Bakar berkata, titah Yang di-Pertuan Agong amat bertepatan dengan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Majoriti rakyat tidak bersetuju dengan demonstrasi jalanan atau tunjuk perasaan yang dianjurkan pihak-pihak tertentu bagi menyuarakan bantahan," ujarinya.

Kata beliau, bantahan yang disuarakan secara tidak sopan dikhuatiri boleh mencetuskan insiden keganasan sehingga mengakibatkan negara menjadi huru-hara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0603&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm